

15 DEC 2000

MAHATHIR-KORPORAT

PENIAGA-PENIAGA MATAWANG JUGA LEMAH DALAM TADBIR URUS, KATA PM

SERDANG, 15 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kritikan-kritikan yang dilemparkan mengenai lemahnya tadbir urus di Malaysia sepatutnya ditujukan kepada peniaga-peniaga matawang yang sememangnya tidak telus sama sekali dalam perlakuan mereka.

"Sesiapa sahaja yang mengharungi tempoh kemelesetan ekonomi seperti mana yang kita lalui, mereka juga akan mendapati kelemahan di dalam tadbir urus," kata beliau pada persidangan akhbar selepas menyampaikan persijilan MS ISO 9001 kepada Fakulti Veteriner Universiti Putra Malaysia di sini.

Dr Mahathir menegaskan yang "kemelesetan ekonomi disebabkan oleh mereka yang tidak bermoral, tiada tadbir urus langsung dan tidak telus sama sekali."

Mengenai peniaga-peniaga matawang, beliau berkata, "Kita tidak tahu apa yang dilakukan oleh mereka, jadi kritikan-kritikan (mengenai tadbir urus) sepatutnya ditujukan kepada mereka."

Perdana menteri berkata demikian ketika mengulas mengenai kritikan-kritikan yang mengatakan Malaysia masih baru dalam tadbir urus selepas selesainya urusan United Engineers Malaysia (UEM) dan Renong baru-baru ini.

Sentimen di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) terjejas minggu lepas apabila UEM melanjutkan tempoh tarikh akhir kepada pengerusi eksekutif Renong, Tan Sri Halim Saad, ke atas pembayaran "put option" untuk tempoh 15 bulan lagi bagi perjanjian saham beli semula.

UEM memberi Halim tempoh 15 bulan lagi untuk membeli 32.3 peratus kepentingan dalam Renong daripada UEM dengan nilai RM3.17 bilion.

Halim menguasai kedua-dua Renong dan UEM.

Dr Mahathir berkata jika Amerika Syarikat melalui tempoh kemelesetan yang serupa seperti mana yang kita hadapi, "kita akan dapati lebih ramai lagi penipu-penipu akan muncul".

Beliau berkata ini adalah fenomena biasa.

Tetapi, beliau merasakan yang cadangan-cadangan korporat di mana-mana negara bukanlah "urusan yang tidak betul" tetapi disebabkan tekanan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat ketika melalui saat-saat getir.

"Dalam saat-saat genting atau tidak baik, banyak perkara akan muncul dan mungkin kedengaran seperti sesuatu yang tidak kena. Jika syarikat-syarikat ini menunjukkan prestasi yang baik, tidak ada sesiapa yang mahu komen," tambah beliau.

Apabila ditanya sama ada kritikan-kritikan yang dilemparkan ke atas tadbir urus di Malaysia disebabkan terlalu banyak pendedahan atau kepentingan diberikan kepada urusan korporat yang melibatkan syarikat-syarikat besar, Dr Mahathir berkata, "Itu adalah sebahagian daripadanya."

"Saya rasa orang ramai mahukan sesuatu yang sensasi."

Dr Mahathir berkata ada pihak yang ingin mendapatkan bukti yang menunjukkan Malaysia sememangnya ketinggalan ke belakang, dan kerajaan tidak tahu menguruskan negara.

"Orang-orang ini mahu membuktikan yang rakyat Malaysia tidak tahu langsung mengenai pengurusan, rakyat Malaysia orang jahat dan mengambil rasuah," tambah beliau.

"Tetapi orang jahat dan pengamal rasuah ada di mana-mana sahaja di dunia. Jika kita buat kajian, kita dapati ada beberapa negara yang suka

mengkritik kita lebih teruk, pilihanraya pun tidak dapat dijalankan dengan betul," kata beliau.

-- BERNAMA

MAD MFJ/MR SHY AA MA